

21/06/1998

Sokong Dr M, Anwar

PEMIMPIN Umno negeri menyatakan sokongan mereka kepada kepimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai Presiden parti dan Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai timbalannya.

Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Shahidan Kassim, berkata Menteri Besar dan Ketua Menteri sudah sepakat akan menyokong Dr Mahathir dan Anwar kalau ada yang mahu mencabar kedua-dua tokoh itu.

"Saya percaya kalau ada orang hendak bertanding pun, Menteri Besar dan Ketua Menteri sudah sepakat sokong Presiden dan timbalan sekarang," katanya ketika ditemui di Perhimpunan Agung Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini, semalam.

Sementara itu, Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman, berkata pendirian Dr Mahathir memberi petanda jelas bahawa kedua-dua pemimpin itu mempunyai hubungan baik serta menyokong antara satu sama lain.

"Sehubungan itu, segala kekuatan parti akan digembleng untuk memberi sokongan padu kepada Presiden dan timbalannya walau apapun kemungkinan yang berlaku pada tahun depan," katanya.

Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Abu Zahar Ithnin, berkata pihaknya mahu jawatan Presiden dan Timbalan Presiden terus dikekalkan seperti hari ini tanpa sebarang pertandingan.

Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Sanusi Junid pula berkata beliau sudah mengarahkan semua bahagian Umno di negeri itu untuk tidak mencalonkan sebarang nama bagi kedua-dua jawatan utama parti itu.

Menteri Besar Selangor, Datuk Abu Hassan Omar, berkata beliau yakin ahli Umno di negeri itu turut menyokong kenyataan supaya kedua-dua jawatan itu tidak dipertandingkan.

Sementara itu Menteri Besar Terengganu, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad, pula menyifatkan kenyataan Dr Mahathir itu bertujuan mengecilkan ruang untuk pertandingan terutama di peringkat presiden dan timbalan presiden.

"Jika tidak ada pertandingan di peringkat tertinggi, ia boleh menjamin perpaduan dan keutuhan parti, kerana tiada kejayaan yang boleh dicapai melalui perpecahan," katanya.

Ketua Umno Bahagian Gua Musang, Tengku Razaleigh Hamzah, berkata perpecahan parti pada 1987 seharusnya dijadikan iktibar oleh semua ahli, terutama yang bercita-cita untuk menggugat kepimpinan Dr Mahathir dan Anwar.

Sementara itu Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Tun Razak, berkata beliau menyokong kepimpinan Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

(END)